



### JAWATAN KOSONG

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada warga kerja dan warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Yayasan Selangor seperti berikut:

<b>Jawatan</b>	Jurulatih
<b>Gred</b>	SY4
<b>Bahagian/Unit</b>	Kem Bina Semangat
<b>Kekosongan</b>	3
<b>Kelayakan Akademik</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Diploma Sains Sukan daripada IPTA/IPTS atau sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kejurulatihan Rekreasi Luar yang diiktiraf.</li></ul>
<b>Pengalaman Bekerja</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Mempunyai kemahiran dalam asas pertolongan cemas serta berenang (Kursus Bronze Medallion).</li><li>Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.</li></ul>

### CARA MEMOHON

- a) Borang Permohonan Jawatan Kosong boleh dimuat turun melalui laman web Yayasan Selangor <http://www.yayanselangor.org.my>

**Tarikh Buka** : 30 April 2026 (Khamis)  
**Tarikh Tutup** : 07 Mei 2026 (Khamis)

- b) Pemohon hendaklah menghantar 'resume' beserta Borang Permohonan Jawatan ke Bahagian Pengurusan Modal Insan. Pemohon yang masih berkhidmat dengan Yayasan Selangor hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Bahagian/ Unit dan disertakan dengan sesalinan sijil-sijil yang berkaitan yang telah **disahkan**.

### PERMOHONAN

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah. Sila tuliskan **nama jawatan yang dipohon di bahagian atas sebelah kiri sampul surat**:

**YAYASAN SELANGOR**  
**TINGKAT 18, MENARA YAYASAN SELANGOR,**  
**NO. 18A, PERSIARAN BARAT,**  
**46000 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**  
**(U.P: Bahagian Pengurusan Modal Insan)**

Semua permohonan hendaklah sampai tidak lewat dari tarikh tutup iklan pada **07 Mei 2026**. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Calon yang tidak menerima jawapan setelah 3 bulan dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.

**DESKRIPSI TUGAS  
KEM BINA SEMANGAT**

Jawatan	Jurulatih
Gred Jawatan	SY4
Jawatan Pegawai Menyelia	Eksekutif
Gred Jawatan Pegawai Menyelia	EY4
Kelayakan Akademik	Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Diploma Sains Sukan dan/atau Ijazah Sarjana Muda daripada IPTA/IPTS (memiliki Sijil Kejurulatihan Rekreasi Luar yang diiktiraf suatu kelebihan)
Pengalaman	Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan aktiviti outdoor, rekreasi luar atau kejurulatihan.  Berpengalaman mengendalikan aktiviti melibatkan risiko terkawal dan pematuhan keselamatan.

**BIDANG TUGAS & TANGGUNGJAWAB**

1. Merancang, menganjur dan mengendalikan aktiviti outdoor, rekreasi luar dan program latihan fizikal mengikut modul dan jadual yang ditetapkan.
2. Menyediakan modul aktiviti rekreasi luar yang merangkumi objektif, kaedah pelaksanaan, pengurusan risiko dan keperluan keselamatan.
3. Memastikan semua aktiviti dilaksanakan dengan pematuhan penuh terhadap SOP keselamatan, garis panduan organisasi dan peraturan berkaitan.
4. Memberi taklimat keselamatan kepada semua peserta sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.
5. Memantau keselamatan peserta serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku kecemasan atau insiden tidak diingini.
6. Mengaplikasikan kemahiran asas pertolongan cemas dan menyelamatkan di air apabila diperlukan.
7. Menyediakan dan menyelenggara dokumentasi pematuhan SOP, termasuk:
  - Pelan keselamatan aktiviti
  - Senarai semak keselamatan
  - Laporan pelaksanaan aktiviti dan insiden
8. Menyediakan laporan aktiviti, penilaian program dan maklum balas kepada pegawai penyelia.
9. Memastikan peralatan dan kemudahan aktiviti berada dalam keadaan baik, selamat dan sesuai digunakan.
10. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai penyelia dari semasa ke semasa berkaitan aktiviti dan operasi.